



# **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

## **KERATAN AKHBAR 01 JULAI 2019 (JULAI)**



DISEDIAKAN OLEH :  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**

<b>AKHBAR</b>	Berita Harian
<b>TAJUK BERITA</b>	Penduduk gesa segera turap jalan pintas
<b>MUKA SURAT</b>	67

## Penduduk gesa segera turap jalan pintas

**Sepang:** Penduduk tujuh kampung di sini menggesa kerajaan Selangor supaya mempercepat projek naik taraf laluan pintas berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) yang menghubungkan Kampung Hulu Chuchoh.

Jalan pintas itu dibuka kepada kenderaan ringan pada Februari tahun lalu membabitkan kos hampir RM100,000 yang dibiayai hasil sumbangan individu, kontraktor dan penduduk kampung.

Penduduk sebelum ini menanti selama 10 tahun sebelum laluan pintas itu dibuka melalui rundingan wakil penduduk dan Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) bagi membenarkan orang ramai mengguna laluan pertanian berhampiran klia2 sebagai jalan alternatif harian.

Jalan sepanjang tiga kilometer (km) menghubungkan klia2 dengan Hulu Chuchoh itu menjadi nadi kepada lebih 3,000 pengguna bagi membolehkan mereka tidak perlu lagi mengharungi kesesakan teruk di Jalan Persekutuan di Bandar Salak Tinggi untuk ke ibu negara setiap hari.

Difahamkan, jalan pintas itu menjimatkan masa hampir sejam perjalanan berbanding melalui jalan Persekutuan yang jaraknya melebihi 30km, selain terpaksa mengharungi kesesakan, terutama pada waktu puncak.

Selain Hulu Chuchoh, enam



*Keadaan laluan pintas klia2-Hulu Chuchoh, Sepang, rosak dan terhakis akibat hujan. (Foto Samadi Ahmad/BH)*

kampung yang menikmati kemudahan jalan itu ialah Tanjung Mas, Sungai Pelek, Sepang, Bagin Lalang, Bukit Bangkong, Jelutong Indah dan Ulu Teris.

Pengerusi Belia 4B Hulu Chuchoh, Mohd Faid Hamzah, berkata usaha menaik taraf jalan penting kerana ia kini rosak teruk dan perlu diturap bagi mengelak hakisan akibat hujan.

Mohd Faid berkata, penduduk menuntut Menteri Besar, Amirudin Shari menyegerakan usaha menaik taraf jalan itu yang didakwa dijanjikan beliau ketika

mengadakan lawatan kerja sempena Majlis Penyerahan Inisiatif Peduli Rakyat di Dewan Orang Ramai, Kampung Hulu Chuchoh, September tahun lalu.

Mohd Faid mendakwa, Amirudin yang turun padang meninjau jalan itu turut meluluskan peruntukan RM1.9 juta bagi menaik taraf jalan, termasuk pengambilalihan tanah yang dijangka bermula awal tahun ini.

“Setakat ini tiada tanda menunjukkan projek itu akan dimulakan, malah jalan semakin teruk dan membahayakan pe-

nunggang motosikal,” katanya.

Penduduk, Mohd Najib Latif, 33, berkata aduan termasuk memorandum mengenai jalan itu sudah dibuat beberapa kali kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pelek, Ronnie Liu, namun mendakwa hingga kini tidak mendapat maklum balas daripada pihak berkenaan.

Beliau juga mendakwa, sehingga kini, sebanyak sembilan kemalangan motosikal berlaku di kawasan itu akibat jatuh ketika mengelak jalan berlubang dan bertakung air.



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	Sponsor add glitter to cup tie
MUKA SURAT	11



(Front row, from fifth left) Amiruddin, Sultan Sharafuddin, Abdul Karim and Gobind with the sponsors of this year's competition. — Photos: AZHAR MAHFUF/The Star

# Sponsors add glitter to cup tie

Solid backing from generous companies ensure fans have plenty to look forward to

By C.Y. LEE  
chenyoong@thestar.com.my

THE Sultan of Selangor's Cup (TSSC) football competition between Singapore and Selangor is set to be another spectacle, thanks to the strong support from generous sponsors this year.

Support for this year's 18th edition saw over RM1.23mil received in sponsorship, with RM579,999.99 contributed by Selangor state government-linked companies.

Radio Televisyen Malaysia (RTM) has also joined the line of sponsors for this year's competition as the official broadcaster with Communications and Multimedia Minister Gobind Singh Deo presenting the sponsorship to Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah at the Istana Alam Shah in Klang during a high-tea reception.

Selangor Menteri Besar Amirudin Shari also made a personal contribution to the tournaments with 200 footballs.

Construction and property development company Tanjung Balai Group is into its sixth year as a sponsor and is the title sponsor this year with a contribution of RM380,000.

Selangor State Treasury, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Permodalan Negeri Selangor Bhd (PNSB) each contributed RM100,000, while KDEB Waste Management Sdn Bhd contributed RM99,999.99 this year.

Meanwhile, Ecoworld Development Group Bhd, Nirvana Memorial Park, Aiman Platinum Sdn Bhd, Everspring Land Sdn Bhd, Setia Awan Group, Splash Sdn



Gobind (centre) presenting RTM's sponsorship as official broadcaster to Sultan Sharafuddin. Looking on is Abdul Karim.

Bhd, Menti Besar Incorporated and Kumpulan Semesta Sdn Bhd each contributed RM50,000 on top of Worldwide Holdings Bhd's RM30,000.

This year's lucky draw will also be the most attractive with Tanjung Balai Group sponsoring a brand-new Honda City, Rasniaga Sdn Bhd with a brand-new Harley Davidson 833 Iron as well as Everspring Land Sdn Bhd with three-day and two-night stay at Marriott Kota Kinabalu for three lucky spectators.

Also present at the high-tea ceremony were High Commissioner to Malaysia Vanu Gopala Menon,

Inspector-General of Police Datuk Seri Abdul Hamid Bador as well as various state exco members, former and current Selangor and Singapore players.

The Sultan of Selangor's Cup (TSSC) organising chairman Tan Sri Abdul Karim Munisar said while securing the sponsorship was an arduous task, the support received this year proved that the competition remains a unique and prestigious event.

"This is especially when each year, the much-awaited tournament draws a full-house crowd," he said.

"It is undeniable that the

Selangor and Singapore clash is an epic clash that is set to stir up the nostalgia of good old rivalry."

At the Shah Alam Stadium last year, Selangor swept all three cups with the Selangor Selection and Veterans beating their counterparts on penalties while the Under-16 players delivered a 2-0 victory.

The prestigious tournament between long-standing rivals Selangor and Singapore will be held in Shah Alam Stadium in Selangor once again on August 24.

This year's first match will see the Singapore-Selangor Schools Challenge featuring students in the Under-15 age group instead of the Under-18s from last year, followed by the curtain raiser between the veterans before the main match.

Initiated in 2001 by Sultan Sharafuddin, who was then Raja Muda of Selangor, the tournament aimed at fostering stronger relations between Selangor and Singapore, and has since grown to be a platform for both sides to showcase their footballing prowess.

Spectators and fans from both sides will get to relive the rivalry when both teams go head to head yet again, reigniting a rivalry that dates back to 1921 when they met in the first Malaya Cup Final.

Priced at RM10, each ticket bought this year is eligible for five lucky draws and will go on sale a month before the match at Uncle K outlets in SACC Mall Shah Alam, Paradigm Mall Kelana Jaya and Cyberjaya as well as the Shah Alam Stadium on match day.

Fans can also follow the updates of The Sultan of Selangor's Cup via its Facebook page.



Date: Aug 24, 2019  
Venue: Shah Alam Stadium, Selangor

**Sponsors:**  
Tanjung Balai Group, Selangor State Treasury, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Permodalan Negeri Selangor Bhd (PNSB), KDEB Waste Management Sdn Bhd, Rasniaga Sdn Bhd, Splash Sdn Bhd, Menti Besar Incorporated, Kumpulan Semesta Sdn Bhd, Ecoworld Development Group Bhd, Nirvana Memorial Park, Aiman Platinum Sdn Bhd, Setia Awan Group, Everspring Land Sdn Bhd and Worldwide Holdings Bhd  
**Official English Media:** Star Media Group Bhd

**Programme**  
5:30pm - Singapore-Selangor Schools Challenge  
8pm - Singapore Veteran vs Selangor Veterans  
9pm - S-League Selection vs Selangor Selection  
**Tickets:** (RM10 each) at Uncle K branches (SACC Mall Shah Alam, Paradigm Mall Kelana Jaya and Cyberjaya) and Shah Alam Stadium on match day

Facebook: fb.com/sultanselangor-cup



Eco World Development Group Bhd deputy president and deputy chief executive officer Datuk S. Sundarajoo (centre) presenting the company's sponsorship to Sultan Sharafuddin with Abdul Karim.



Star Media Group advisor Datuk Seri Wong Chun Wai (left) presenting the group's sponsorship to Sultan Sharafuddin as Abdul Karim (second from left) and Amiruddin look on.



Datuk Lim Kay Keng (second from left) representing Kingsley Edu group executive director Tan Sri Barry Goh, presenting the sponsorship to Sultan Sharafuddin with Abdul Karim looking on.





# KERATAN AKHBAR 01 JULAI 2019 (ISNIN)



AKHBAR	Newstraitstimes
TAJUK BERITA	Klang dumpsite blaze to be put out today
MUKA SURAT	13

BURIED TRASH

## KLANG DUMPSITE BLAZE TO BE PUT OUT TODAY

Firemen using excavators, backhoes to extinguish remaining 30pc of fire

DAWN CHAN  
KLANG  
news@nst.com.my

**A**BOUT 70 per cent of the fire burning at an illegal dumpsite in Jalan Saim, Kampung Rantau Panjang here, has been extinguished since it broke out on Thursday.

Klang Fire and Rescue Department chief Samsol Saibani Maarif said 45 personnel from the Klang Municipal Council, Civil Defence Department and state Disaster Management Unit were stationed at the

4ha site, of which 1.2ha were ablaze.

Excavators and backhoes were being used in the operations.

"We expect to put out the remaining 30 per cent of the fire by tomorrow (today) noon.

"The challenge we are facing is due to the amount of (flammable) garbage, made up of domestic and industrial waste, buried underground.

"There is too much rubbish and it is 3m deep.

"We are excavating the rubbish and flooding the area to ensure that the fire is completely put out," he told the *New Straits Times* yesterday.

It was reported that firefighting efforts were hampered by high winds, dry conditions and the presence of highly-flammable materials at the dumpsite, such as wires and recyclable goods.



The blaze at the illegal dumpsite in Jalan Saim, Kampung Rantau Panjang in Klang has been raging since Thursday. PIC BY MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

BERJAYA





## KERATAN AKHBAR 01 JULAI 2019 (ISNIN)



AKHBAR	Newstraitstimes
TAJUK BERITA	Selangor's no plastic straw policy takes effect today
MUKA SURAT	13

GIVEN UPON REQUEST ONLY

# Selangor's no-plastic straw policy takes effect today

**SHAH ALAM:** As the no-plastic straw policy at eateries and restaurants in Selangor takes effect today, premises are prepared.

Spiced Pumpkin Cafe and Bakery owner Mas Zuhairin Zubir said they would abide by the policy.

Notices would be put up to remind customers.

"We will encourage our customers to bring their own straws from tomorrow (today) onwards.

"We will charge them 20 sen per straw. The proceeds will be placed in a charity box," she told the *New Straits Times* yesterday.

However, Mas, who co-founded the outlet with Nurazizarin Kusyair Abd Aziz, said she would provide plastic straws for drinks such as milkshakes, as it would be difficult to sip them.

Autism Cafe Project founder Adli Yahya said it had stopped using plastic straws since the opening of Kantin Komuniti at SACC Mall in April.

"We do not use plastic straws. No plastic materials are used except when a customer takes away food and we have no choice but to use containers.

"When we opened the canteen, we not

only wanted it to be an autism-friendly place, but also one that is environmentally friendly."

In May, state Environment, Green Technology, Science and Consumer Affairs Committee chairman Hee Loy Sian had announced that all food and beverage outlets in the state would be barred from providing plastic straws, with the item to be given upon request only.

Beginning today, the state government will also ban the use of plastics at its functions and offices in line with Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-use Plastics 2018-2030, which was approved by the government.

Departments and agencies are to replace plastic water bottles with glasses or jugs, substitute plastic wraps for sauces, plates and bowls with reusable food covers, and to refrain from providing plastic plates, cups, cutlery and straws, and provide water dispensers.

Civil servants and visitors have been urged to bring along reusable food containers, cutlery and straws for personal use and to use woven bags to store food and beverages bought from the cafeteria.



## KERATAN AKHBAR 01 JULAI 2019 (ISNIN)



AKHBAR	THE SUN
TAJUK BERITA	MB: peat jungle arsonists identified
MUKA SURAT	4

### **MB: PEAT JUNGLE ARSONISTS IDENTIFIED**

PORT KLANG: The Selangor government is looking for individuals who were responsible for causing a fire at an illegal garbage dump in a peat forest area in Jalan Sungai Saim, Kampung Rantau Panjang, last Thursday. Menteri Besar Amirudin Shari said the state government believes the fire, which destroyed 1.2ha, was carried out by people who encroached into the jungle. "The Fire and Rescue Department are still there to ensure the fire is fully put out. We are in the process of identifying the culprits and to determine the possibility of involvement by foreigners who opened the peat soil area. 'It is difficult to douse the fire fully because of the peat soil and the hot weather is also aggravating the situation.'"





AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Masalah pencemaran bau selesai
MUKA SURAT	33

# Masalah pencemaran bau selesai

SINAR (33)

*Kerajaan negeri tetap ambil tindakan undang-undang, kenal pasti punca*

MUHAMMAD AMINNURALIFF  
MOHD ZOKI

SHAH ALAM

**M**asalah pencemaran bau yang melibatkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih berjaya dipulihkan sepenuhnya.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, bekalan air dari LRA itu kini pulih 100 peratus bermula kelmarin.

Menurutnya, tindakan undang-undang melalui Jabatan Alam Sekitar akan diambil dan

pihaknya sedang mengenal pasti punca pencemaran itu.

"Kita henti operasi LRA Sungai Semenyih walaupun secara asasnya air disalurkan tidak bahaya untuk digunakan," katanya ketika menghadiri Majlis Rumah Terbuka anjuran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Tiga Rodziah Ismail di Seksyen 18 di sini semalam.

Pada 26 Jun lalu, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) memaklumkan bahawa Sungai Semenyih sedang mengalami pencemaran bau yang menjadi sumber air mentah bagi Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan telah dihenti tugas.

Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) menjelaskan beberapa kawasan di wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang di Selangor dijangka terkesan dengan gangguan bekalan air dan tekanan rendah.



Amirudin (dua dari kiri) menghadiri Majlis Rumah Terbuka anjuran Rodziah di Seksyen 18, Shah Alam semalam.



## KERATAN AKHBAR 01 JULAI 2019 (ISNIN)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	RM500 untuk pemberi maklumat
MUKA SURAT	36

### **RM500 untuk pemberi maklumat**

**BALAKONG** - Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) menawarkan ganjaran wang tunai RM500 kepada orang ramai yang menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti pembuangan sampah secara haram di kawasan pentadbiran pihak berkuasa

tempatan (PBT) itu.

Ahli Majlis MPKj, Sun Kin Wah berkata, ganjaran hanya akan diberikan jika aktiviti membuang sampah secara haram itu dilakukan menggunakan kenderaan berat.

“Sebagai bukti, pemberi maklumat perlu

mengambil gambar, lokasi, nombor pendaftaran kenderaan, tarikh dan masa kesalahan itu dilakukan.

“Kita tidak akan berkompromi dengan pihak yang didapati membuang sampah haram di kawasan ini,” katanya. *SINAR (36)*



<b>AKHBAR</b>	<b>SINAR HARIAN</b>
<b>TAJUK BERITA</b>	<b>KSSB sasar teroka pasaran luar</b>
<b>MUKA SURAT</b>	<b>35</b>

# KSSB sasar teroka pasaran luar

*Hasrat tingkatkan hasil, perbanyakkan lagi program CSR*

NORAFIZA JAAFAR

PETALING JAYA

**K**umpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) menyasarkan meneroka pasaran luar pada masa hadapan selepas beberapa siri kejayaan menyelesaikan projek dalam Selangor termasuk kolam tadahan Horas 600 di Kuala Selangor.

Pengerusi Lembaga Pengarah KSSB, Dato' Nor Azmie Diron berkata, beliau yakin kepakaran yang ada pada KSSB mampu dikembangkan ke negeri-negeri lain dan luar negara.

"Kejayaan menyelesaikan Kolam Takungan Horas 600 adalah suntikan semangat kepada KSSB untuk mengembangkan perniagaan ke luar Selangor dengan kepakaran sedia ada.

"Pada masa sama, KSSB akan membantu merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk menyelesaikan keperluan rakyat termasuk memastikan bekalan air mentah di Selangor mencukupi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sambutan Majlis Silaturahmi Aidilfitri anjuran KSSB bersama Selpump di Kelab Golf Seri Selangor, Damansara di sini malam kelmarin.

Turut hadir, Ahli Lembaga Pengarah KSSB dan Selpump; Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif KSSB, Abdul Rahman Ishak dan Ketua Pegawai Eksekutif Selpump, Mohd Hafiz Ab Rahman.

Menyentuh tentang sambutan program Aidilfitri, Nor Azmie berkata ia adalah salah satu bentuk Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) syarikat kepada kakitangan dan juga masyarakat.

"Majlis ini bagi meraikan kakitangan, pembekal, warga pentadbir serta pihak berkaitan yang sama-sama membangunkan perniagaan KSSB.

"Hasil perniagaan KSSB ini pula dikongsi dengan de-



Sesi bergambar Nor Azmie dan tetamu khas bersama anak-anak yatim dalam majlis Silaturahmi Aidilfitri di Kelab Golf Seri Selangor, Damansara.



Sumbangan kepada salah seorang asnaf disampaikan oleh Abd Wahab (kanan) dalam program CSR pada Ramadan lalu.



Nor Azmie (dua dari kiri) memberi sumbangan duit raya kepada anak-anak kakitangan KSSB dan Selpump.

syarakat termasuk membawa anak-anak yatim dari Pertubuhan Baitul Mahabbah, Sepang; Rumah Tunas Harapan, Kuala Selangor; dan Sekolah Kebangsaan Bukit Rahman Putra, Sg Buloh dalam sambutan Aidilfitri pada kali ini," katanya.

Beliau yakin lebih banyak hasil yang diperolehi oleh KSSB akan membantu lebih banyak golongan memerlukan melalui program-program CSR.



NOR AZMIE

SINAR (35)



Orang ramai yang hadir ke majlis sambutan Aidilfitri malam kelmarin.

## Erat hubungan KSSB, masyarakat

Sementara itu, Ketua Jabatan Sumber Manusia dan Pentadbiran KSSB, Muhamad Ridzuan Premraj Abdullah berkata, program anjuran syarikat seperti sambutan Aidilfitri bertujuan mengeratkan silaturahmi dan penghargaan kepada warga kerja.

"Inilah peluang kakitangan untuk beramah mesra dan mem-

bawa saudara mara serta kenalan untuk melihat lebih dekat program syarikat.

"Diharapkan ia menjadi suntikan semangat untuk membina hubungan akrab sesama warga kerja yang kemudian diterjemah dalam kerja berpasukan untuk menaikkan lagi nama syarikat," katanya.

Dalam pada itu, Pengurus Kanan Perhubungan Awam dan

Hal Ehwal Korporat, Abdul Wahab Nordin berkata, KSSB turut mengadakan program sumbangan asnaf kepada 120 keluarga di enam kampung sekitar Kuala Selangor pada Ramadan lalu.

"Ia berlangsung di Ijok, Bestari Jaya, Bukit Badong, Jaya Setia, Rantau Panjang, Kampung Asahan di bawah program CSR pada tahun ini dengan bantuan RM200 bersama keperluan barangan dapur bagi setiap keluarga.

"Dari semasa ke semasa program CSR ini akan diteruskan melalui sumbangan kepada pihak sekolah, pusat tahfiz, anak yatim, masjid serta surau yang memerlukan bantuan," katanya.

Dianggarkan lebih 1,000 tetamu hadir pada Majlis Silaturahmi Aidilfitri yang julung kali diadakan. KSSB ditubuhkan 2008 yang menjalankan perkhidmatan perlombongan pasir sebelum meneroka sumber mineral lain seperti tanah liat, tanah merah, kuari dan lain-lain.

FOTO: ZAHID IZZAN





AKHBAR	KOSMO!
TAJUK BERITA	Punca pencemaran LRA Sungai Semenyih disiasat
MUKA SURAT	4

## Punca pencemaran LRA Sungai Semenyih disiasat

**KUALA LANGAT** - Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah diarahkan membuat siasatan terhadap insiden pencemaran Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dekat sini Khamis lepas.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar berkata, siasatan itu bertujuan untuk melihat punca sebenar kejadian selain mengesan pihak yang bertanggungjawab terhadap insiden tersebut.

"Saya telah minta SPAN buat siasatan dari mana datangnya punca sebenar pencemaran ini.

"Buat masa ini kita masih menunggu laporan penuh daripada pihak SPAN dan kita kena tunggu sehingga siasatan itu selesai untuk melihat apakah tindakan yang boleh diambil," katanya

kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Kuala Langat dan Dewan Undangan Negeri Sijangkang di sini semalam.

Rabu lepas, Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. dalam satu kenyataan memaklumkan LRA Sungai Semenyih diarah henti tugas susulan pencemaran bau dipercayai dari sebuah kilang memproses sawit yang telah diarah tutup untuk siasatan.

Bagaimanapun, LRA Sungai Semenyih mula beroperasi pada pukul 6 pagi sehari selepas itu.

Dalam pada itu, Xavier mengingatkan pihak berkaitan supaya mematuhi undang-undang dengan tidak membina bangunan dan kilang di kawasan berdekatan sungai. - Bernama

KOSMO -(4)





## KERATAN AKHBAR 01 JULAI 2019 (ISNIN)



AKHBAR	KOSMO!
TAJUK BERITA	Dalang tapak pelupusan sampah haram diburu
MUKA SURAT	6

### Dalang tapak pelupusan sampah haram diburu *KOSMO-(6)*

**PELABUHAN KLANG** - Kerajaan negeri sedang mengesan dalang dan pemilik tapak pelupusan sampah haram di Jalan Sungai Saim, Kampung Rantau Panjang di sini yang musnah dalam satu kebakaran pada Khamis lalu.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, pihaknya percaya kebakaran yang melibatkan kawasan seluas 1.2 hektar sengaja dilakukan oleh pihak penceroboh.

Katanya, sehingga semalam usaha memadam kebakaran tapak pelupusan haram itu sedang giat dilakukan oleh pihak bomba dan beberapa agensi berkaitan.

"Buat masa ini, pasukan bomba masih berada di situ (tapak pelupusan sampah haram) untuk memastikan api dipadamkan sepenuhnya. Bagaimanapun, saya masih belum menerima laporan lengkap situasi di kawasan itu.

"Kita sedang dalam proses mengenal pasti individu terbabit selain melihat sekiranya terdapat penglibatan orang asing yang meneroka kawasan tanah gambut itu," katanya ketika ditemui pada Majlis Jalinan Kasih Aidilfitri Parlimen Klang dan Dewan Undangan Negeri Pelabuhan Klang di sini semalam.

Menurut Amirudin, kebakaran tapak pelupusan sampah itu mengambil tempoh lama untuk dipadamkan berikutan kawasan itu ialah tanah gambut yang cepat merebak selain faktor cuaca agak panas.

"Laporan berhubung kebakaran akan diperolehi dalam masa terdekat dan kita akan mengetahui pemilik tanah terbabit," ujarinya.

*Kosmo!* baru-baru ini melaporkan, kebakaran itu mula dikesan pada pukul 8 pagi, Khamis lalu dipercayai dilakukan individu tidak bertanggungjawab.

Difahamkan, tanah itu dijadikan tapak pelupusan sampah bagi bahan kitar semula dan pennebat wayar yang dikisar.

1.2 hektar tapak pelupusan sampah haram terbakar



KERATAN *Kosmo!* 29 jun 2019.



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Buru dalang bakar sampah
MUKA SURAT	28

# Buru dalang bakar sampah

■ Kerajaan Selangor dalam proses kenal pasti individu ceroboh tapak pelupusan sisa haram

Siraj Mohd Zaini  
siraj@hmetro.com.my

## Pelabuhan Klang

**K**erajaan Selangor dalam usaha mengenalpasti individu yang bertanggungjawab melakukan kebakaran di tapak pelupusan sampah haram di Jalan Sungai Saim, Kampung Rantau Panjang, di sini, baru-baru ini yang memusnahkan kira-kira 1.2 hektar kawasan.

Menteri Besar Amirudin Shari berkata, pihaknya percaya kebakaran itu dilakukan



“Api sukar dipadamkan kerana kawasan ini merupakan tanah gambut yang menyebabkan ia cepat merebak selain cuaca panas menyukarkan proses pemataman”  
**Amirudin Shari**

individu yang mencerooboh tanah gambut di kawasan itu.

“Buat masa ini, pasukan bomba masih berada di situ untuk memastikan api dipadamkan sepenuhnya. Kita

sedang dalam proses mengenalpasti individu terbabit selain melihat sekiranya terdapat penglibatan orang asing yang meneroka kawasan tanah gambut itu.

“Api sukar dipadamkan kerana kawasan ini merupakan tanah gambut yang menyebabkan ia cepat merebak selain faktor cuaca agak panas menyukarkan proses pemataman sepenuhnya,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Terdahulu, beliau hadir ke majlis Jalinan Kasih Aidilfitri Parlimen Klang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pelabuhan Klang di sini yang turut dihadiri, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pelabuhan Klang, Azmizam Zaman Huri.

Dalam pada itu, Amirudin berkata, pihaknya kini se-

dang menunggu laporan sepenuhnya berkaitan kebakaran di kawasan tersebut daripada Jawatankuasa Bencana di peringkat negeri.

“Laporan berhubung kebakaran akan diperolehi dalam masa terdekat dan kita akan mengetahui pemilik tanah terbabit. Namun, maklumat awal diterima terdapat ramai pemilik tetapi kita akan menyiasatnya.

“Selain memadamkan kebakaran, tanggungjawab kita ialah menyelesaikan isu pemilikan tanah dan penerokaan tanpa kawalan yang pastinya melibatkan pelbagai agensi,” katanya.

Khamis lalu, kebakaran di tapak pelupusan sampah haram di Jalan Sungai Saim memusnahkan kira-kira 1.2 hektar mula dikesan pada 8 pagi itu dilakukan individu yang tidak bertanggungjawab.

Sehingga semalam 70 peratus kawasan kebakaran itu berjaya dipadamkan.

Ini berikutan kerja pemataman menghadapi sedikit kesukaran berikutan timbunan sampah yang dalam iaitu sekitar 2.4 meter dan berada di kawasan paya bakau selain perlu menggunakan jengkaut untuk menggali punca api di bawah timbunan sampah berkenaan.